



Pelajar UPM Menang Dua Emas Pertandingan Makanan Halal



Pelajar – pelajar FSTM bergambar selepas pertandingan tersebut.

KUALA LUMPUR, 12 Mei – Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya membolot dua pingat emas pada pertandingan 'Apprentice Chefs' sempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2009 di MATRADE Exhibition & Convention Centre (MECC) baru-baru ini.

Ketua Jabatan Pengurusan dan Khidmat Makanan, Fakulti Teknologi Makanan (FSTM), UPM, Prof. Madya Dr. Sharifah Kharidah Syed Muhamad berkata 18 pelajar tahun akhir FSTM memenangi dua pingat emas, dua pingat perak dan empat pingat gangsa melalui sembilan kategori.

"Pingat emas dimenangi melalui kategori 'Western Hot Cooking-Meat/Poultry/Game Dishes' dan 'Patisserie-Plate Western Dessert' sementara pingat perak dimenangi melalui kategori 'Asian Hot Cooking-Fish and Seafood Dishes' dan 'Patisserie-Dress The Cake'," katanya merujuk kepada penyertaan sulung pelajar UPM.

Beliau berkata pingat gangsa pula dimenangi melalui kategori 'Western Hot Cooking-Fish and Seafood Dishes', 'Asian Hot Cooking-Fish and Seafood Dishes', 'Asian Hot Cooking-Meat/Poultry/Game Dishes' dan 'Patisserie-Contemporary Asian Desserts'.

Sebanyak 11 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menyertai pertandingan seni masakan yang dianjurkan oleh Indah Profiles Sdn. Bhd dan Kolej Damansara Utama (KDU) dengan tema 'The World's Halal Kitchen'.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.